

SEJARAH

PROFIL / SEJARAH

SEJARAH NUKLEAR MALAYSIA

Sejarah agensi bermula pada 11 November 1971 apabila satu jawatankuasa yang dikenali sebagai Pusat Penyelidikan dan Aplikasi Tenaga Nuklear (CRANE) ditubuhkan, bagi mengkaji kemungkinan Malaysia mencebur terhadap teknologi Nuklear. Usul ini telah diterima dan diluluskan dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada 19 September 1972 yang menyokong cadangan terhadap keperluan Malaysia menubuhkan pusat penggunaan dan penyelidikan teknologi nuklear. Pada Ogos 1973, Jawatankuasa Perancangan Pembangunan Negara mencadangkan untuk menamakan pusat ini sebagai Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail (PUSPATI) dan telah diiktiraf sebagai pusat penyelidikan kebangsaan. PUSPATI telah diletakkan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam sekitar (MOSTE).

<  >



Usul ini telah diterima dan diluluskan dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada 19 September 1972 yang menyokong cadangan terhadap keperluan Malaysia menubuhkan pusat penggunaan dan penyelidikan teknologi nuklear

Tahun 1983 merupakan detik penting bagi agensi apabila diberikan identiti baru iaitu Unit Tenaga Nuklear (UTN). Serentak dengan itu, UTN telah dipindahkan dari MOSTE ke Jabatan Perdana Menteri (JPM). Ini memberi impak yang besar kepada peranan agensi kerana buat pertama kalinya aktiviti nuklear yang melibatkan perancangan polisi negara dan kegiatan operasi nuklear disatukan di bawah naungan JPM. Namun pada 27 Oktober 1990, UTN telah dipindahkan semula ke MOSTE. Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 10 Ogos 1994, telah meluluskan pertukaran nama UTN kepada Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear Malaysia (MINT). Logo baru juga telah diperkenalkan pada 22 Oktober 2009 ketika Hari Pelanggan MINT, yang juga julung kali diadakan. Bagi memberi arah hala tuju yang lebih jelas, peranan MINT diperkemas kepada mempertingkat pembangunan dan daya saing ekonomi negara melalui kecemerlangan dalam teknologi nuklear. Pada 13 April 2005 sekali lagi agensi mengalami perubahan entiti apabila digazet dengan nama baru iaitu Agensi

Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia). Kini Agensi Nuklear Malaysia terus melebarkan sayap dalam mengembangkan penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) bagi menyokong aspirasi negara.

HUBUNGI KAMI



📍 Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia), 43000 Kajang,
Selangor, Malaysia

📞 +603-8911 2000

📠 +603-89112153

✉ ukk[at]nm.gov.my

PAUTAN



MASA OPERASI

Isnin - Jumaat:	08:00 - 17:00
Sabtu:	CUTI
Ahad dan Cuti Umum:	CUTI

Dikemaskini pada: 01/07/2021

FOKUS KAMI

- Penyelidikan & Pembangunan
- Pengkomersilan Teknologi
- Pendidikan & Latihan
- Penerbitan

HIT COUNTER

00820168

Copyright © 2021, Agensi Nuklear Malaysia

[Polisi Privasi](#) [Kenyataan Hakcipta](#) [Penafian](#) [Polisi Keselamatan](#) [Kebebasan Maklum](#)
[Polisi ePenyertaan](#)